

Staf UMSKAL ziarah golongan asnaf

KAKITANGAN
Universiti Malaysia
Sabah, Kampus
Antarabangsa Labuan
(UMSKAL) mengadakan
program Ziarah
Ramadan Kedua 2013
di lima buah kampung
di Wilayah Persekutuan
Labuan, kelmarin.

Seramai 20 kakitangan
yang mewakili semua
bahagian di universiti itu

menyampaikan bantuan
kepada golongan asnaf di
Kampung Sungai Bangat,
Bukit Kalam, Bukit Kuda,
Ganggarak, Layang-
Layangan dan Sungai
Lada.

Mereka yang menaiki bas
dan van itu menyerahkan
wang tunai dan barang
keperluan harian seperti
beras hasil sumbangan
kakitangan UMSKAL

kepada 17 penerima pada
tahun ini.

Sumbangan disampaikan
Penolong Pendaftar
Kanan, Bahagian Hal
Ehwal Pelajar dan
Alumni (HEPA), Musnin
Mattersah yang mewakili
Pengarah UMSKAL, Prof
Madya Dr Ismail Ali.

Turut menyertai
rombongan UMSKAL itu
ialah penyelaras program,

Che Din Md Salleh yang
juga Penolong Pegawai
Tadbir HEPA.

Musnin berkata,
program itu diadakan
untuk mendekati dan
menggembirakan golongan
asnaf untuk menyambut
Hari Raya Aidilfitri pada
tahun ini.

Beliau berharap
sumbangan dan bantuan
itu dapat mengurangkan
beban penerima dan
penjaga mereka pada bulan
Ramadan dan Hari Raya
Puasa nanti.

Katanya, ianya juga
dapat beramah mesra
dan berkenalan dengan
pemimpin masyarakat
terutama ketua kampung
yang menjayakan program
itu.

“Selain itu, program
ziarah itu telah merapatkan
hubungan silaturrahim
antara kakitangan
UMSKAL sambil
membantu golongan yang
memerlukan bantuan,”
katanya.

Musnin berkata,
kunjungan ke kampung
itu dapat memberikan
pengalaman baru
kepada kakitangan



KAKITANGAN UMSKAL, Junainah Yunus (enam kanan) menyampaikan sumbangan kepada golongan asnaf di Kampung Bukit Kalam sambil diperhatikan Haji Kula Ghani (dua kanan) dan Musnin (tiga kanan).

mengenai keadaan
fizikal dan ekonomi
penerima sumbangan
yang sememangnya
layak menerima bantuan
daripada jabatan dan agensi
kerajaan.

Pada masa sama katanya,
melihat keadaan rumah
dan individu terbabit akan
memberi keinsafan kepada

kakitangan UMSKAL
yang lebih bernasib baik
memiliki pekerjaan yang
mampu menyara keluarga.

Beliau mengucapkan
terima kasih atas kerjasama
dan komitmen ketua
kampung yang menjayakan
program tersebut dan
berharap hubungan baik
dengan UMSKAL akan

berkekalan.

“Ia selaras dengan
hasrat Naib Canselor
UMS, Prof Datuk
Dr Mohd Harun
Abdullah, supaya
UMSKAL mendekati
masyarakat setempat
terutama golongan yang
memerlukan bantuan,”
katanya.



PROGRAM Ziarah Ramadan telah merapatkan hubungan antara kakitangan UMSKAL.